

TAJUK BUKU: MEMBANGUN INSTITUSI MASJID

EDITOR: NORRODZOH HJ. SIREN, YUSMINI MD. YUSOFF

MUKASURAT: 203

BAB 1: KONSEP DAN FALSAFAH MASJID

- ❖ Masjid memainkan peranan yang sangat penting dalam membangunkan umat Islam dan menegakkan tamadun kehidupan mereka.

TAKRIF MASJID

- Bahasa : Berasal dari bahasa arab “sajada”, “yasjudu”, “sujudan”, yang membawa erti sujud.
- Dalam konteks pemakaiannya:
 - a) Sesuatu kawasan yang mempunyai bangunan yang diperbuat daripada batu dan kayu tetapi dikhaskan dan diniatkan untuk masjid maka dengan demikian ia telah menjadi masjid.
 - b) Bangunan tempat orang Islam sujud ketika bersembahyang. Dalam erti kata lain, masjid merupakan bangunan rasmi untuk umat Islam melaksanakan kegiatan ibadah yang biasanya mempunyai mimbar, mihrab, menara dan sebagainya.
 - c) Satu binaan yang digunakan untuk sembahyang jemaah, bersembahyang Jumaat, beriktikaf dan mempunyai kehormatan tertentu.

CIRI – CIRI MASJID

- Binaan yang digunakan untuk melaksanakan ibadah khususiyah atau lain – lain kegiatan yang dibenarkan agama.

KONSEP DAN FALSAFAH MASJID

- Konsep Masjid:
 - a) Suatu binaan yang dikhususkan kepada orang Islam bagi melaksanakan ibadah.
 - b) Istimewa kerana umat Islam berkewajipan untuk datang ke masjid sekurangnya sekali seminggu untuk menunaikan solat Jumaat.
 - c) Nadi pembangunan masyarakat Islam duniawi dan ukhrawi.
 - d) Sebagai tempat majlis ilmu ,akad nikah, mesyuarat dan sebagainya.
 - e) Masjid adalah syiar agama Islam.

- Falsafah Masjid:
 - a) Mengukuhkan hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan manusia sesama persekitaran.
 - b) Mengajak manusia kepada ketakwaan dan menjauhi kemaksiatan.
 - c) Meninggikan syiar Islam dan menghapuskan kesyirikan.
 - d) Mengamankan manusia dari ketakutan dan mengamankan masyarakat dari persengketaan.
 - e) Menyatukan perbezaan dan mempertautkan ummah yang berpecah.
 - f) Mengajar yang jahil dan menyedarkan yang lalai.
 - g) Menyuburkan penghayatan amal jama'i dan amal ijtimai.

BAB 2: CARA BERPAKAIAN PEGAWAI MASJID

PANDUAN ASAS BERPAKAIAN

- Allah menurunkan panduan berpakaian dalam tiga tahap iaitu:
 - a) Tahap satu
Pakaian yang paling primitif sekadar menutup aurat kemaluan sahaja.
 - b) Tahap kedua
Apabila keadaan semakin maju dan manusia mengenal tamadun, pakaian bukan sekadar menutup kemaluan tetapi meningkat ke tahap perhiasan dan mengenal makna keindahan.
 - c) Tahap ketiga
Tahap yang paling dikehendaki oleh Allah SWT, iaitu berpakaian yang melambangkan ketakwaan. Ini bermakna pakaian itu bukan sekadar tahap satu dan kedua seperti yang disebutkan di atas tetapi tahap ketiga yang paling penting iaitu pakaian taqwa.

PAKAIAN DALAM PELBAGAI SITUASI

- Pakaian menentukan keperibadian seseorang individu.
- Ada orang berpendapat kalau ingin menjadi pegawai tinggi, pakailah pakaian yang biasa dipakai oleh pegawai tinggi.
- Seelok – eloknya pakaian hendaklah sederhana dan tidak keterlaluan atau kurang berpakaian.
- Sesuaikan pakaian dengan keadaan diri, jawatan dan tahap ekonomi.

KESESUAIAN PAKAIAN LELAKI

- Dalam memilih pakaian hendaklah diambil ingatan mengenai jenis kain, corak kain dan jenis kolar (jika baju)
- Elakkan dari memakai jenis berkilat, jarang dan yang berwarna garang kerana ini tidak begitu sesuai untuk lelaki dan elakkan baju yang terlalu ketat atau besar.

PERHIASAN

- Terhad, biasanya tidak lebih dari dua.
- Sikat jangan diletakkan di dalam poket baju.
- Wang kertas juga tidak digalakkan untuk diletakkan di dalam poket baju.

PADANAN WARNA

- Warna yang sesuai bagi kemeja lelaki ialah warna yang lembut dan seluar yang gelap.
- Elakkan dari memakai baju dan seluar yang berjalar.

BAB 3: KOMUNIKASI MASJID

KOMUNIKASI MASJID SECARA VERBAL

- Khutbah Jumaat mingguan merupakan medium komunikasi utama verbal bagi masjid
- Terdapat juga pandangan yang membahagikan khutbah kepada jenis yang disyariatkan seperti khutbah Jumaat dan yang tidak disyariatkan seperti ceramah, pidato politik, pidato ilmiah dan sebagainya.

KOMUNIKASI SECARA NON – VERBAL

- Ditakrifkan sebagai proses komunikasi yang berlangsung tanpa menggunakan perkataan iaitu melalui signal tertentu yang menyalur mesej kepada sasaran.

MASJID DAN KOMUNIKASI BARU

- Kekudusan komunikasi masjid adakalanya diambil alih oleh medium lain kerana terdapat perubahan persepsi khalayak dan terpaksa bersaing dengan mesej lain yang disampaikan dalam pelbagai bentuk multimedia.
- Sebilangan masjid – masjid utama di negara kita telah mempunyai laman web tersendiri. Ada yang diselenggara dengan baik dan ada yang sekadar menampakkan struktur organisasi dan kepimpinan masjid.

BAB 4:STATUS IMAM DI MASJID

- ❖ Imam- seseorang yang bertanggungjawab dalam kepimpinan. Ia ibadat salih hinggalah kepada seluruh kehidupan duniawi dan kemasyarakatan.

IMAM DALAM TRADISI ISLAM

- Rasulullah SAW sebagai ketua pemerintah Islam adalah imam dalam solat.
- Imam juga gelaran kepada yang terkemuka dalam bidang – bidang ilmu Islam seperti imam mazhab, ahli – ahli hukum, ahli – ahli hadis dan sebagainya.

PERANAN IMAM DI MALAYSIA

- Imam tidak mempunyai apa – apa kuasa perundangan di Malaysia kerana dia bukanlah ketua masyarakat di peringkatnya.
- Imam bertugas mengimamkan solat, membaca khutbah, membaca doa, menghadiri jemputan, mengawasi pengurusan jenazah, khidmat pernikahan, dan mungkin mengepalai bacaan surah yassin, tahlil malam Jumaat dan fardhu ain.

PERANAN YANG SEPATUTNYA DIMAINKAN OLEH IMAM

- Walaupun tanpa kuasa undang – undang sekiranya masjid diperkasakan dan imam diberi peranan serta ganjaran setimpal, perkara – perkara berikut sepatutnya boleh dijalankan oleh imam dengan staf yang mencukupi contohnya:
 - Pendidikan kekeluargaan
 - Pembangunan belia
 - Pengurusan kebajikan
 - Kecemerlangan sekolah anak-anak
 - Masalah – masalah keruntuhan akhlak
 - Pembangunan rakyat termiskin
 - Kaunseling
 - Musyawarah
 - Bantuan kecemasan dll

PERANAN IMAM DAN AJK MASJID

- Mendidik
- Mengerakkan anak – anak seperti menyatukan tenaga
- Merangsang seperti memberi motivasi
- Melahirkan aktivis/insan baru
- Membangunkan kesatuan dan menyatukan umat

ILMU IMAM DAN MASJID

- Ilmu adalah kewajiban umat Islam yang semestinya dihubungkan dengan peranan imam dan masjid.
- Masjid sebagai pusat perkembangan ilmu dan Islam bukan sesuatu hal yang asing lagi

BAB 5: KEBERKESANAN PROGRAM MASJID; KAJIAN UMUM DI MASJID – MASJID DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

PERANAN MASJID

- Pusat Pembangunan Islam
- Pusat Tamadun Islam
- Pusat Percambahan Penilaian
- Pusat Santapan Rohani
- Pusat Penjagaan Ayat – ayat suci
- Pusat Penyelesaian Masalah
- Pusat Kebajikan Islam
- Pusat Penyelidikan Islam
- Pusat Maklumat
- Pusat penggerak Muhibbah
- Pusat Rawatan Islam
- Pusat Eonomi
- Pusat Memerangi Maksiat
- Pusat diplomat dll

REALITI MASJID PADA MASA KINI

- Secara umumnya terdapat lima bentuk aktiviti yang kebiasanya dilaksanakan oleh masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
 - Aktiviti berbentuk ibadah khusus seperti solat jemaah, solat Jumaat, solat terawih, solat hajat, solat aidilfitri dan aidiladha, tadarus Al-Quran dan bacaan yasin dan tahlil.
 - Aktiviti pendidikan dakwah seperti kuliah agama, ceramah umum, penyampaian khutbah, program takmir, perpustakaan masjid, dan kelas komputer.
 - Aktiviti berbentuk sosial dan kemasyarakatan seperti sambutan hari-hari kebesaran Islam, gotong-royong, pengurusan jenazah, majlis akad nikah dan kenduri kahwin dan pusat khidmat sosial

- Aktiviti berbentuk pentadbiran dan pengurusan seperti khusus atau latihan yang sewajarnya kepada kakitangan masjid, mengadakan sesi perbincangan yang melibatkan ajk masjid
- Antara cabang ilmu yang diajar dikebanyakan masjid sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah pengajian ilmu akhidah, ilmu hadis, ilmu Al-Quran, ilmu tafsir, ilmu tasawuf, ilmu feqah dan ilmu sirah rasul

KEBERKESANAN PROGRAM MASJID YANG WAJAR DICAPAI

- Antara keberkesanan program yang perlu dicapai ialah dari sudut
 - Meningkatkan kesedaran dan kefahaman Islam di kalangan masyarakat
 - Meningkatkan ilmu pengetahuan dan penguasaan di kalangan masyarakat
 - Memperbaiki moral dan akhlak masyarakat dalam semua peringkat umur
 - Memperbaiki kehidupan sosial masyarakat
 - Mengeratkan hubungan masyarakat dan masjid
 - Memperkembangkan dakwah Islamiyyah dalam masyarakat
 - Membetulkan tanggapan salah tentang Islam
 - Memperbaiki pengurusan dan pentadbiran masjid
 - Mengembalikan keagungan Islam dan kecemelangan umat Islam dalam semua sudut kehidupan

BAB 6: PEMBANGUNAN EKONOMI MASJID

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN MASJID PADA ZAMAN AWAL ISLAM

- Pengurusan dan pentadbiran masjid pada masa Rasulullah menjadi model kepada pengurusan dan pentadbiran masjid sehingga sekarang
- Masjid berperanan sebagai pusat nadi yang terpenting dalam pembentukan masyarakat Islam
- Pada zaman Rasulullah, peranan masjid bermula pada tahun 622m. Masjid ini telah dibangunkan secara kolektif berasaskan kepada perancangan Rasulullah dan perundingan para sahabat.
- Rasulullah menjadi Kalifah Allah dalam pentadbiran negara dan bertindak selaku imam dalam mengetuai kepimpinan pentadbiran masjid
- Bagi memastikan institusi masjid sentiasa dikunjungi dan dimakmurkan oleh umat Islam, Rasulullah mengambil pendekatan dengan menggalakkan umatnya mengerjakan ibadat solat fardhu dan sunat di masjid

- Selain melaksanakan fungsi masjid sebagai tempat ibadah khusus kepada umatnya, Baginda juga mengerakkannya sebagai tempat pembinaan pemikiran, keilmuan dan pembentukan masyarakat Islam

DEFINASI K - EKONOMI

- Satu ekonomi yang bergantung secara terus kepada pengeluaran, pengedaran dan penggunaan ilmu dan maklumat. Ada juga yang berpendapat k – ekonomi ialah penjana dan penggunaan ilmu yang memainkan peranan terpenting dalam menjana kekayaan.
- Dalam pengajian ekonomi, apabila dibincangkan tentang sumber ekonomi secara tradisionalnya yang dibincangkan ialah sumber tanah termasuk sumber – sumber semulajadi, buruh dan modal. Kemajuan sesebuah ekonomi bergantung kepada kombinasi ketiga – tiga sumber berkenaan.
- Istilah yang lebih luas ialah bagaimana ilmu memberi nilai tambah kepada barangan atau perkhidmatan yang dihasilkan.

PEMBANGUNAN EKONOMI MASJID

- Institusi masjid boleh memainkan kekuatan ekonominya dengan melaksanakan beberapa aktiviti dan program yang dilihat praktikal seperti berikut;
 - Sumbangan derma secara tetap atau tahunan oleh setiap ahli kariah masjid berkenaan.
 - Menubuhkan koperasi masjid yang ditadbir oleh AJK koperasi masjid berkenaan.
 - Pelaburan dana masjid dalam bidang – bidang pelaburan yang halal yang ditawarkan oleh kebanyakan institusi perbankan dan kewangan di Malaysia.
 - Perlaburan dalam hartanah seperti menyewakan ruang – ruang pejabat bangunan milik masjid dan sewaan tanah berasaskan konsep AI – ljarah.
 - Perlaburan dalam pengurusan perkhidmatan dan kemudahan seperti perpustakaan, ICT dan sebagainya.

CABARAN INSTITUSI MASJID DALAM ERA K - EKONOMI

- a) Budaya ilmu
 - Masjid adalah merupakan institusi yang besar sekali, masjid itu bukanlah tempat ibadah khusus semata – mata, bahkan banyak perkara lain yang dijalankan di situ.
- b) Pusat pendidikan AI – Riyadah dan ketenteraan
 - Dalam kes AI - Riyadah masjid berperanan menghasilkan individu muslim yang sihat tubuh badan, cerdas mental dan komited terhadap seluruh agama Islam.

c) Pusat perpaduan ummah

Masjid tidaklah dijadikan sebagai tempat untuk bersolat 5 waktu dan Jumaat semata – mata tetapi masjid dijadikan sebagai tempat penyatuan ummah.

BAB 7: RETORIK PENGUCAPAN KHUTBAH JUMAAT DI SURAU AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA (APIUM)

KHUTBAH DAN KEPENTINGAN DALAM MASYARAKAT

- Khutbah Jumaat merupakan antara rukun yang terkandung dalam syarat sah solat Jumaat
- Khutbah penting kerana melaluinya masyarakat memperolehi suatu ilmu bagi meningkatkan kefahaman tentang Islam.
- Ia juga menjadi asas kekuatan umat Islam.
- Ketrampilan khutbah Jumaat diperlukan dalam usaha keberkesanan dakwah bagi tujuan menunjuk manusia ke jalan kebenaran
- Khutbah juga diertikan sebagai seni percakapan yang dilakukan secara bersemuka dengan khalayak untuk memuaskan hati khalayak
- Khutbah bukan sahaja untuk menaikkan semangat pendengar bahkan melahirkan rasa keinsafan kepada mereka di atas kebenaran yang diucap
- Isi khutbah yang disampaikan membicarakan tentang pokok-pokok ajaran agama Islam

RETORIK PENGUCAPAN KHUTBAH JUMAAT

- Retorik ialah sains pengucapan yang baik. Ia mempunyai kaitan antara pengucap dengan khalayak dan merupakan komunikasi yang kompleks.
- Seseorang khatib perlu bijak dalam mempersembahkan idea dan mempunyai cara yang terbaik untuk menarik minat khalayak terhadap ucapannya
- Keberkesanan sesebuah khutbah atau ucapan bertitik tolak dengan konsisten-konsisten asas retorik pengucapan iaitu;
 - a) Ethos (The ethic appeal), etika yang amat diutamakan dengan penekanan prinsip-prinsip etika seperti nilai besar dan jujur pada diri pengamal retorik
 - b) Pathos (skill the appeal of emotion), menzahirkan ucapan dengan melihat kepentingan emosi sebagai usaha membentuk pemikiran dan hujah yang menarik dan berkesan
 - c) Logos, mengutamakan kesahihan sesuatu kenyataan
- Faktor utama pengucapan
 - a) Reka cipta (invention); topik, bukti dan kelaziman
 - b) Penyusunan (arrangement)

- c) Ingatan (memory)
- d) Gaya (style);non-verbal dan verbal

BAB 8: PEMBANGUNAN MINDA PEGAWAI MASJID

- ❖ Pembangunan masyarakat Islam amat berkait dengan pembangunan masjid kerana penggerak utama masyarakat Islam ialah masjid.

ISTILAH

- Pembangunan ;usaha membangun, memaju dan mengerakkan
- Minda; fikiran dan pandangan yang akan melahirkan gerak kerja dan aktiviti dalam kehidupan harian
- Pembangunan Minda; membangun fikiran dan pandangan supaya fungsi minda jelas untuk melaksanakan program – program masjid mengikut keperluan
- Pegawai Masjid; orang yang bertanggungjawab secara langsung kepada pentadbiran masjid dan kemajuannya melalui program-program yang diatur.

PEMBANGUNAN MINDA

- Antara usaha untuk membangunkan minda adalah dengan cara membangunkan ilmu pengetahuan, pengalaman, kesedaran , motivasi dan wawasan.
- Pembangunan dalam bidang tersebut boleh dicapai melalui pengajian, kursus dan bengkel, lawatan dan ganjaran yang lumayan

KEPERLUAN SEMASA MASJID

- Menjadikan masjid sebagai tempat yang tidak asing bagi remaja
- Menjadikan masjid sebagai pusat segala aktiviti yang berfaedah
- Menjadikan masjid sebagai tempat yang tidak asing bagi umat Islam

CADANGAN

- Masjid dijadikan institusi bebas dari sebarang campur tangan pihak-pihak yang ada kepentingan, namun masih tertakluk kepada kesatuan masjid
- Melantik imam dan kakitangan dari golongan yang berkeelayakan dan memberi elaun yang sepatutnya
- Membina masjid di atas tapak yang luas supaya dapat mempelbagaikan programnya
- Menambahkan ilmu pengetahuan pegawai-pegawai masjid melalui pelbagai program
- Mengadakan masjid contoh setiap masa

- Peruntukan khusus untuk mengembangkan dan memperluaskan program perlu disediakan kepada masjid secara teratur.

BAB 9: PEMBANGUNAN MASJID DAN HALANGANNYA

Sejarah Masjid Haram (Kaabah)

- Kiblat tempat tumpuan, pengabdian dan pergantungan hidup mati seluruh umat Islam kepada Allah.
- Baginda s.a.w ingin sekiranya kiblat umat Islam dialihkan ke arah kaabah supaya tidak sama dengan kiblat Yahudi.
- Semasa Rasulullah berada di madinah ketika sedang solat Zohor pada rakaat kedua, Allah telah menurunkan ayat iaitu Rasulullah boleh berpaling menghadap kiblat yang Rasulullah sukai.
- Rasulullah berpaling ke belakang dan diikuti oleh para sahabat.
- Masjid tersebut kini diketahui sebagai Masjid Qiblatain di Madinah.
- Sejak itu kiblat umat Islam hingga hari kiamat ialah Kaabah.

Fungsi masjid

- Tempat perpaduan ummah dengan pelbagai aktiviti seperti solat berjemaah, pentadbiran negara dan aktiviti kemasyarakatan.
- Penglibatan berkaitan ilmu samada mengajar atau menuntut ilmu adalah satu ibadat yang mempunyai pahala yang besar di sisi Allah.

Etika Atau Adab Melawat Masjid

- Pengunjung, pelawat atau jemaah perlu beradab ketika mengunjungi Masjid Nabawi atau masjid-masjid lain.
 - Disunatkan berkeadaan bersih termasuk berwuduk, berpakaian bersih, berjalan dengan tenang, tertib dan tidak tergo-poh-gapah, memasuki masjid dengan kaki kanan dan membaca bismillah serta memberi salam kepada empunya masjid.
 - Bersembahyang sunat Tahiyat al-Masjid dua rakaat, berdoa untuk dirinya dan kepada kaum muslimin kemudian melawat makam Rasulullah dan dua sahabat baginda iaitu Abu Bakar dan Umar sambil memberi salam kepada Rasulullah dan kedua-dua sahabat.
- Antara etika memasuki masjid ialah:
 - a) berhias semasa ke masjid
 - b) tidak memasuki masjid dalam keadaan busuk
 - c) segera ke masjid

- d) melakukan perkara sunat semasa di Masjid Nabawi
- e) tidak berebut-rebut masuk dan keluar dari masjid
- f) tidak bersuara lantang dalam masjid
- g) tidak keluar masjid semasa azan
- h) sembahyang Tahiyat al-Masjid
- i) adab berdoa
- j) melakukan perkara faedah

Pembangunan Masjid

- masjid juga berperanan sebagai tempat berkenal-kenalan dan tempat melakukan aktiviti kemasyarakatan.
- Keperihatinan pihak berkuasa telah menetapkan sebarang projek perumahan, perbandaran baru dan penempatan baru menyediakan satu kawasan untuk surau/masjid sebagai syarat asasi bagi kelulusan projek.
- Namun penggunaan masjid oleh masyarakat pada hari ini tidak berlaku seperti dikehendaki oleh Islam.
- Hanya sebilangan kecil sahaja yang berminat ke masjid melainkan waktu tertentu sahaja.
- Ada juga mereka yang tidak bertanggungjawab menggunakan masjid untuk tujuan lain yang boleh memecah-belahkan masyarakat.

Halangan Pembangunan Masjid

- Ada yang berpendapat bahawa masjid hanya untuk golongan lelaki sahaja manakala kaum wanita dan kanak-kanak hanya bersembahyang di rumah sahaja.
- Kecintaan sepatutnya dididik sejak dari kecil supaya ada pelapis yang akan ditinggalkan.

BAB 10: PERANAN MASJID DALAM PEMBANGUNAN INSAN REMAJA

Pembangunan Insan dan Remaja

- Didirikan di atas asas-asas yang menyeluruh dari aspek kognitif, sosial, emosi, fizikal, moral dan kreativiti yang berpaksi kepada akidah dan rohani yang mantap.
- Program yang dilaksanakan harus seimbang dan setara dari segi bilangannya di antara keperluan pembangunan material dengan pembinaan diri insani yang meletakkan tauhid dan keimanan sebagai entiti utama.
- Justifikasi kepada unsur-unsur pembangunan insan bersepadu adalah berteraskan kepada:
 - Pertama, membina dan membangunkan insan dari segala aspek

- Kedua, pembinaan dan pembangunan masyarakat yang stabil dari segi mental spiritual, bergerak di atas landasan kesedaran dan ilmu pengetahuan.
- Ketiga, membina dan membangunkan negara sebagai agen melindungi kepentingan dan kesucian agama Islam.
- Pembangunan insan hendaklah selaras dengan psikologi remaja pada peringkat usia mereka.
- Zaman remaja merupakan satu tempoh yang penuh dengan kekeliruan, konflik dan krisis terutama berkaitan dengan diri.
- Masa transisi dari zaman kanak-kanak kepada dewasa memberi tekanan kerana perlu berjuang untuk memperolehi sikap dan kepercayaan yang diperlukan untuk penglibatan yang berkesan dalam masyarakat.
- Remaja sering terhambat dengan sifat ghurur iaitu penyakit tertipu oleh perasaan sendiri.

Pembangunan Diri Remaja Islam

- Remaja perlu dididik dengan soal-soal keimanan.
- Dari perspektif Islam, kekuatan manusia bukan diukur dari apek kekuatan tubuh badan, kecerdasan akal dan anggota fizikal semata-mata tetapi juga dari sudut kebijaksanaan manusia.
- Al-Ghazali menegaskan kekuatan ilmu bagi pembentukan peribadi yang unggul harus disepadukan di antara ilmu agama dan sains.
- Kekuatan tazkiyyah dengan menjalankan penyucian diri, ibadah khusus, doa, zikir, taubat dan munasabah yang baik.
- Reformasi terhadap corak pemikiran, perwatakan dan moral sepatutnya melingkari kehidupan remaja berjatidirikan Islam bagi pengukuhan personalii diri individu yang mantap.
- Pemulihan sepatutnya merangkumi aspek:
 - a) Akal
 - pendidikan
 - b) roh
 - ibadah
 - c) tubuh
 - aktiviti-aktiviti riadah
 - d) perilaku
 - sifat-sifat mulia.

Pendekatan Program-program Masjid Terhadap Pembangunan Insan Remaja

- corak program sebelum ini yang agak stereotaip menyebabkan remaja tidak berminat untuk mengikutinya.
- Bentuk-bentuk pendekatan baru perlu diberi perhatian agar seiring dengan perkembangan zaman.

Pendekatan Bimbingan dan Kaunseling

- Remaja terutama pelajar memerlukan seorang untuk membimbing mereka dalam akademik dan peribadi sosial.
- Perkhidmatan ini boleh diluaskan melalui sistem maklumat secara langsung (online).
- Program-program bimbingan seperti seminar, bengkel, aktiviti berkumpulan yang melibatkan elemen perkembangan dan pertumbuhan diri remaja dapat dilakukan secara berpusat dan bersistem.

Pendekatan Pembimbing Mahasiswa

- Jarak umur di antara remaja dan mahasiswa membolehkan mereka lebih senang dan suka untuk berkongsi pengalaman dan perasaan bersama.
- Mahasiswa boleh memberi pengaruh besar dalam akademik dan model terbaik dalam memotivasikan remaja dalam proses pembelajaran.
- Tenaga mereka boleh digunakan dalam merancang dan melaksanakan aktiviti sukan dan rekreasi yang pelbagai.

Pengintegrasian Dalam Pendekatan Amali dan Teori

- Aktiviti-aktiviti berbentuk pementapan rohani seperti kuliah, ceramah atau usrah boleh dipelbagaikan corak penyampaiannya supaya lebih santai dan menarik perhatian.
- Mesej masih boleh disampaikan melalui kegiatan perkhemahan, riadah, kembara, lawatan ke tempat-tempat menarik atau lokasi peranginan dan bukan hanya berbentuk dikusi atau teori dalam kelas.

BAB 11: MELAWAT MASJID BAGI NON-MUSLIM: SATU KAJIAN DARI SUDUT HUKUM DAN KESANNYA TERHADAP DAKWAH

Hukum-hukum non-muslim memasuki masjid menurut al-Quran dan al-Hadith

Pertama: hukum non-muslim memasuki kawasan Tanah Haram Mekah

Kedua :hukum non-muslim memasuki Masjid al-Haram

Ketiga: hukum non-muslim memasuki masjid al-Nabawi

Keempat: hukum non-muslim memasuki Madinah

Kelima: hukum non-muslim memasuki Tanah Haram Madinah

Realiti Hari Ini

- Masjid dikenali kerana cantik seni binanya, besar kubahnya, tinggi menaranya dan menarik tulisan-tulisan khat yang menghiasi dindingnya.
- Bilangan makmum yang mengimarahkan masjid bukan menjadi suatu kepentingan yang dititikberatkan pada masa ini.
- Masjid yang dikenali kerana seni binanya sering menjadi tumpuan masyarakat Islam tempatan dan pelancong-pelancong asing yang datang ke negara ini.
- Antara layanan yang diberikan kepada pelancong pada masa ini ialah:
 - 1) Mereka dikehendaki memakai pakaian yang disediakan sebelum melawat masjid.
 - 2) Tidak ada pegawai masjid yang mengiringi mereka ketika lawatan di kawasan masjid.
 - 3) Tidak ada penerangan yang diberikan oleh pegawai masjid berkaitan masjid.
 - 4) Mereka tidak dibenarkan memasuki dewan sembahyang.
 - 5) Mereka dilarang mengambil gambar di dalam masjid.
- Pelancong non-muslim tidak sepatutnya dibenarkan memasuki masjid, malah masjid-masjid tak perlu lagi dimasukkan dalam senarai tempat-tempat pelancongan yang boleh dilawati.
- Antara cadangan dan usaha yang perlu dilakukan adalah:
 - 1) Mengekalkan pakaian jubah kepada non-muslim.
 - 2) Menyediakan pegawai penerangan masjid bagi mengiringi mereka ketika lawatan.
 - 3) Larangan memasuki dewan sembahyang
 - 4) Larangan mengambil gambar kecuali di luar masjid
 - 5) Bentuk-bentuk penerangan yang harus diberikan:
 - a) Penerangan berkaitan masji secara ringkas.
 - b) Penyanggahan rakaman audio-visual selama 5 minit tentang cara hidup, keindahan dan keagungan Islam.
 - c) Membetulkan salah faham dan buruk sangka mereka terhadap Islam selepas tragedi 11 September 2001.
 - d) Menceritakan penindasan yang dialami oleh umat Islam seluruh dunia.
 - e) Menjelaskan isu-isu yang menimbulkan sangka buruk terhadap Islam.
 - 6) Memberikan cenderahati serta menyediakan makanan dan minuman ringan.

BAB 12: MEMPERKASA AKTIVITI MASJID SEBAGAI MEDIUM DAKWAH

Peranan Masjid Zaman Rasullullah

- Menjadikan masjid sebagai pusat penyatuan dan perhimpunan peradaban umat Islam yang datang dari pelbagai bangsa dan suku kaum.
- Masjid sebagai pusat pengurusan dan pentadbiran.
- Pusat agihan zakat dan pusat khidmat masyarakat yang sangat berkesan.
- Tempat berteduh bagi golongan ahlal-suffah.
- Terdapat 2 jenis dakwah Islamiah yang tersebar ketika itu:
 - i). Dakwah Islamiah kepada masyarakat Islam.
 - ii). Dakwah Islamiah kepada masyarakat non-muslim

Aktiviti Masjid: Satu Dapatan Umum di Malaysia

- Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di masjid boleh dibahagikan kepada 3 jenis:
 - I. Aktiviti asasi
 - Aktiviti yang wajib dilakukan
 - Merangkumi semua aktiviti ibadah yang menjadi asas kepada kewujudan sesebuah masjid.
 - Bentuk-bentuk aktiviti asas di masjid:
 - Sembahyang lima waktu
 - Sembahyang Jumaat
 - Ibadah korban
 - Pusat pembayaran zakat fitrah
 - Sembahyang jenazah
 - II. Aktiviti sekunder
 - Melibatkan aktiviti yang disusun oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri dan Jawatankuasa Masjid.
 - Aktiviti yang bermusim tetapi tetap akan dilakukan pada tahun itu.
 - Antara contoh aktiviti-aktiviti sekunder:
 - Tempat pengajian agama bagi orang-orang dewasa, lelaki dan perempuan, belia dan kanak-kanak, kebiasaannya seminggu untuk satu golongan.
 - Mengadakan sambutan hari kebesaran Islam.
 - Mengadakan majlis Musabaqah al-Quran.
 - Melakukan majlis nikah.
 - III. Aktiviti pengurusan

- Merupakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan penubuhan jawatankuasa tertentu agar sesuatu program dapat dijalankan dengan sempurna.
- Penubuhan jawatankuasa ini adalah formal yang melibatkan proses permesyuaratan dan permuafakatan.
- Antara contoh aktiviti-aktiviti pengurusan ialah:
 - AJK Pentadbir Masjid
 - AJK Sambutan Perayaan
 - AJK Akad Nikah.

Masjid Sebagai Medium Dakwah

- Satu institusi dakwah yang tertua dan paling kukuh kedudukannya.
- Di dalam usaha untuk menjalankan dakwah dalaman (internal), perkara-perkara berikut dicadangkan:
 - 1) Mempelbagaikan aktiviti masjid mengikut arus perkembangan zaman.
 - 2) Menstrukturkan semula Ahli Jawatankuasa Pentadbir Masjid terutama yang tidak menunjukkan produktiviti yang memberangsangkan.
 - 3) Membuat promosi untuk setiap aktiviti yang dijalankan melalui pelbagai saluran media.
 - 4) Meminggirkan budaya politik kepartian di dalam institusi masjid.
 - 5) Perkomputeran masjid.

BAB 13: PERANAN MASJID DALAM PEMBANGUNAN PERSONALITI WANITA ISLAM

Wanita dan Masjid

- Masjid tidak dipandang sebagai tempat ibadah dan kebajikan yang membuka ruang kepada kaum lelaki sahaja, tetapi ia juga membuka ruang yang luas kepada kaum wanita.
- Wanita dilarang ke masjid jika mereka meniru perlakuan wanita-wanita Bani Israel atau memakai wangi-wangian.
- Wanita islam dibenarkan ke masjid tetapi mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu seperti mendapat keizinan suami, menutup aurat, tidak bercampur antara lelaki dengan perempuan serta menjaga adab-adab yang lain.

Definisi Pembangunan

- Merupakan satu proses perubahan yang berlaku secara berterusan dan menyeluruh merangkumi tiga unsur utama iaitu pembangunan ekonomi, sosial dan kemanusiaan.
- Pembangunan juga kemajuan daripada tradisi kepada status moden.

- Pembangunan dari perspektif Islam memberi tumpuan penting kepada proses pembangunan manusia.
- Dalam Islam, proses pembangunan adalah bersifat multi dimensi yang bertujuan untuk kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat.
- Profesor Dr. Yusuf al-Qardawi menjelaskan pembangunan dalam Islam adalah pembangunan berbentuk seimbang dan saling lengkap-melengkapi.
- Abd al-Hakam Abd Latif pula, mendefinisikan pembangunan sebagai merangkumi peluang-peluang kecemerlangan insan dalam bidang ilmu pengetahuan, kesenian, adab, politik, kemasyarakatan dan ekonomi.
- Dari satu sudut pembangunan dikatakan mencakupi keseluruhan hidup manusia, lahiriah dan batiniah, kebendaan dan kejiwaan, fizikal dan mental yang bersifat alamiah dan dirancang.

Peranan Masjid Dalam Pembangunan Personaliti Wanita

- Membantu wanita:
 - i). Menyedari tanggungjawab dan peranan sebagai hamba Allah
 - ii). Menyedari tanggungjawab dan peranan dalam keluarga
 - a) Sebagai seorang wanita
 - b) Sebagai seorang ibu
 - c) Sebagai seorang anak
 - iii). Menyedari tanggungjawab dan peranan sebagai anggota masyarakat

Usaha-usaha Menggalakkan Wanita ke Masjid

- Masalah ini perlu diteliti, antara strategi yang perlu disusun ialah:
 - a) Menyedarkan golongan lelaki agar memberi kerjasama dan galakan kepada golongan wanita.
 - b) Menyediakan nurseri di masjid supaya wanita dapat mengikuti program di masjid dengan tenang dan tenteram.
 - c) Membina masjid yang benar-benar berdekatan dengan pejabat pos, bank, klinik, taman permainan dan sebagainya.

BAB 14: PROGRAM DAKWAH MASJID ABU BAKAR TEMERLOH PAHANG: KAJIAN MEGENAI SAMBUTAN DAN MASALAH

Peranan Masjid Dalam Islam

- I. Pusat Ibadat
- II. Pusat Pembelajaran dan Pendidikan

- III. Masjid Sebagai Markas Ketenteraan dan Politik
- IV. Penaung Usaha Kebajikan

Program-program Dakwah Masjid Abu Bakar Temerloh, Pahang

- I. Program Pengajian al-Quran di Bawah Biro Dakwah dan Pendidikan:
 - a) Kelas pengajian Peringkat Rendah.
 - b) Kelas Pengajian Peringkat Menengah dan Lanjutan.
- II. Kursus Penghayatan Ramadhan.
- III. Bengkel Remaja Islam.
- IV. Program Bersama Saudara Baru, Anak-anak Yatim dan Fakir Miskin.
- V. Program Membentuk Keluarga Bahagia:
 - a) Kursus Pengurusan Perkahwinan kepada bakal pengantin.
 - b) Kursus keluarga bahagia.
 - c) Bengkel kemahiran berkomunikasi dalam keluarga.
- VI. Program pengisian rohani:
 - a) Ceramah dan forum perdana sempena Isra' dan Mi'raj pada 27 Rejab.
 - b) Ceramah Maulidur Rasul pada 12 Rabiul Awal.
- VII. Program Tafaqquh fi Al-Din.
- VIII. Kursus ibadah:
 - a) Kursus haji
 - b) Kursus pengurusan jenazah

BAB 15: DAYA TARIK MASJID: MASJID SEBAGAI PUSAT PERPADUAN DAN PEMBAGUNAN KOMUNITI ISLAM DI MALAYSIA

Sejarah Awal Kedatangan Islam di Malaysia

- Bertapak di Kelantan terlebih dahulu daripada Melaka
- Dibawa dari China melalui negeri Melayu Champa di Indo-China.
- Penemuan arkeologi Batu Bersurat yang dijumpai di Pan Rhang (ibu negeri Champa), bertarikh 1035 M yang ditulis dalam bahasa Arab.
- "Mas Dinar" bertulisan Arab ditemui di Kelantan bertarikh 1190 M.
- Batu Bersurat di Terengganu bertarikh 1389 M.
- Islam tiba lebih awal di Kelantan dan Terengganu berbanding Melaka kerana Islam diterima pada zaman Sultan Muzaffar Shah (antara tahun 1446 hingga 1459 Masihi).

Masjid

- Merupakan satu bangunan di mana umat Islam berkumpul.

- Profesor Dr.Mohammad Tajuddin membahagikan masjid kepada 3 kategori:
 - I. Masjid sebagai Rumah Allah
 - II. Masjid sebagai Rumah Ibadat
 - III. Masjid sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat

Masjid-masjid di Malaysia

- Halim mengkategorikan design masjid di Malaysia kepada dua jenis:
 - I. Masjid yang bercirikan arkitektur tradisional
 - Mempunyai bumbung berbentuk piramid yang berlapis.
 - II. Masjid yang bercirikan arkitektur luar seperti seni bina Timur Tengah, India Muslim dan Afrika Utara.
 - Mempunyai kubah

- Faktor-faktor yang mempengaruhi seni bina Islam di Malaysia tebahagi kepada 3 kategori:
 - I. Zaman selepas tiba agama Islam di Malaysia (1300-an-1511)
 - II. Zaman semasa penjajahan (1511-1957)
 - III. Zaman selepas merdeka (1957-199)

Masjid Berbentuk Tumpang: Rekabentuk Masjid Tradisional di Malaysia.

- Seni bina ini dipengaruhi daripada unsur-unsur seni bina India dan China serta seni bina tempatan.
- Kriterianya ialah bentuk bumbung yang berlapis dengan susunan dua, tiga, empat atau lima buah bumbung.
- Dikenali sebagai masjid bumbung berlapis atau som(rabung) pecah empat atau masjid bumbung bertingkat.
- Keistimewaan masjid ini ialah di antara setiap lapisan bumbung terdapat ruang pengudaraan untuk mengalirkan keluar udara yang panas dan diganti dengan udara baru.
- Masjid Melayu-Nusantara yang terawal sekali ialah Masjid Agung Demak terletak di Jawa Tengah, Indonesia.

Masjid Agung Demak

- Dibina pada akhir abad ke-15 di Jawa Tengah.
- Masih dalam pemuliharaan dan masih digunakan sehinga hari ini.
- Keluasannya ialah 23.92m x 23.92, bertiang seri 4, bertiang tengah 12 dan 24 serambi.
- Bumbungnya berbentuk tumpang tiga lapis dan di bahagian puncaknya terletak mahkota atap yang dibina dengan kayu.

Masjid Kampung Laut

- Dibina pada awal abad ke-18 dan dianggap masjid tertua di Malaysia.
- Terletak di tapak barunya iaitu di Nilam Puri, Kota Bharu.
- Tapak asalnya di Kampung Laut sebelum berlakunya banjir besar pada tahun 1966 yang hampir memusnahkannya.
- Masjid ini mempunyai atap tumpang tiga lapis dan bertiang tinggi 2m dari atas tanah.
- Keluasannya 15.86 x 15.86m, berting seri empat, bertiang tengah 16 dan 24 tiang serambi sama naik dan masjid ini dibina menggunakan kayu cengal termasuklah menaranya.

Masjid Terengkera

- Dibina pada tahun 1728.
- Pengubahsuaian telah dilakukan pada tahun 1890 dan strukturnya telah ditukar dari kayu kepada konkrit.
- Pada tahun 1910 masjid ini ditambah dengan menara berbentuk pagoda, pintu gerbang, pagar, kolah, bilik air dan wakaf.

Rekabentuk Masjid Berkubah:

- i). Pengaruh dari Asia Barat dan India
 - Masjid pertama yang memakai kubah potong bawang di Nusantara ini ialah Masjid Sultan di Singapura yang dibina pada tahun 1828.
 - Di Malaysia, Pegawai Kolonial British adalah orang yang memperkenalkan rekabentuk ini dalam seni bina bangunan.
 - Para pekerja pula dibawa dari India yang arif dan mahir.
 - Elemen paling menonjol pula ialah kubah bentuk bawang (sama bentuk dengan bawang yang dipotong di bahagian pangkalnya).
 - Seni bina Moghul dan Moorish ini wujud di zaman Empayar Sarasenik.
 - Seni bina ini juga ada persamaan dengan di Masjid Jamek Delhi di India

- ii). Pengaruh Barat (kolonial)
 - Banyak terdapat di Johor.
 - Perbezaan utama ialah elemen kubah tidak dijadikan elemen yang dominan.
 - Dewan sembahyang utama ditutupi dengan bumbung limas dan dilindungi dinding parapet dan bukannya kubah utama.
 - Dibina pada tahun 1892 dan terletak berhampiran istana di atas bukit dan menghadap Selat Tebrau dan Singapura.

- Satu-satunya masjid negeri gaya Klasikal British dan pelan serta tapaknya lebih mirip kepada gereja.

Rekabentuk Masjid Zaman Ini

- Kebanyakannya diolah dari reka bentuk dan seni bina moden dengan menggunakan teknologi moden.
- Telah wujud pelbagai gaya seni bina masjid iaitu masjid yang dibina sebagai Rumah Tuhan dan Rumah Ibadat sahaja.
- Masjid juga disediakan dengan berbagai prasarana memenuhi kehendak masyarakat kini.

BAB 16: KAJIAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN KHUTBAH JUMAAT DI MASJID- MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR: SUATU TINJAUAN AWAL

Takrif al-Khutbah

- Nama terbitan yang diambil daripada kata kerja khataba yang bererti "telah berucap"
- Khatabah membawa maksud "ucapan"
- Dari segi semantik, diambil daripada kata masdar al-khatib bererti "ucapan di atas mimbar atau kata-kata yang diucapkan oleh pengucapnya".
- Mengikut kesusasteraan Arab, khutbah bermaksud seni pertuturan yang diucapkan kepada orang ramai dengan memberi kepuasan serta menarik perhatian mereka secara pendengaran dan penglihatan.
- Khutbah ialah teks yang bersifat kerohanian dan kemasyarakatan di antara kaum muslimin.

Sejarah Khutbah Jumaat

- Bermula sejak zaman jahiliah.
- Dimulai oleh Qusai bin Kilab, datuk Rasulullah yang keempat yang mengumpulkan kaumnya pada hari al-'Arubah yang jatuh pada hari jumaat.
- Pada mulanya hanya sekadar memberi ucapan agar memuliakan kota Mekah.
- Perhimpunan ini diteruskan pada zaman Ka'ab bin Lu'ai iaitu datuk Rasulullah yang ke-7 dan menukar nama al-Arubah kepada al-Jum'ah.
- Khutbah pada zaman jahiliah lebih bersifat pengucapan bertema sebagai manifestasi kepada sistem antara kabilah-kabilah.
- Khutbah diucapkan sebagai satu keperluan dalam menerangkan pengajaran-pengajaran Islam, juga sebagai alat penyebaran dakwah Islamiah, amar makruf nahi mungkar serta jihad.

- Khutbah mempunyai tajuk yang khusus sebahai medium dakwah, penerang syariat-syariat Allah, asas kenegaraan serta pengaturan sosio-budaya kehidupan masyarakat muslimin.
- Khutbah tidak hanya diucapkan pada waktu solat Jumaat sahaja.
- Khutbah juga dibaca dalam solat aidilfitri, solat aidiladha, solat al-Istisqa, ucapan al-Nikah, solat gerhana matahari dan gerhana bulan.

Maudhu 'al-Khutbah

- Tajuk-tajuk khutbah biasanya daripada tajuk-tajuk yang dipilih khusus berhubung dengan:
 - a) Usul al-Syariah (al-Diniyah)
 - b) Nizam al-Hayyat al-Siyasiyyah
 - c) Al-Ijtima'iyah
 - d) Perkara-perkara yang berguna kepada pendengar pada masa itu.
 - e) Perkara-perkara yang bersangkutan dengan persoalan umum.
 - f) Ibarat-ibarat daripada kehidupan manusia
 - g) Keterlibatan Allah dalam segala urusan manusia seperti urusan balasan pahala dan dosa.
 - h) Hal ehwal kehidupan manusia yang beragama berteraskan ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi.
 - i) Kisah-kisah daripada al-Quran dan al-Sunnah
 - j) Wa'az, nasihat dan inzar kepada umat Islam.

Uslub al-Khutbah

1. Uslub al-Quran
 - a) Al-Tauhid (Tauhidik)
 - b) Al-Risalah (Perutusan Nabi Muhammad)
 - c) Al-Bahs (Perbincangan)
 - i). Uslub khas: bersifat al-wa'az
 - ii). Uslub musiki 'aniq: bersifat al-inzar
 - iii). Uslub al-Ghatab:bersifat marah
 - d) Al-Jaza'(pembalasan)
2. Uslub yang mudah dan jelas difahami oleh semua kaum dan lapisan umur.

Bahasa Perantaraan Khutbah

- Menggunakan bahasa yang difahami oleh para pendengarnya.

Cara Menyampaikan Khutbah

- 1) Suara yang lantang dan keras.
- 2) Sikap yang tegas dan bersungguh-sungguh.
- 3) Meminta hadirin mendengar dengan khusyuk, tafakur, tidak berbual atau bercakap-cakap.
- 4) Berpakaian kemas dan bersih daripada sebarang hadas.

Keberkesanan Khutbah

1. segi bahasa
 - a. usul al-Din: memperkenalkan istilah-istilah bahasa agama.
 - b. Lafaz al-Syariah: memperkenalkan istilah syariah.
 - c. Al-Balaqhi: lafaz dan susunannya menyentuh hati
2. segi adab
 - a. mashadir al-Hidayah
 - b. mashadir al-Tasbi' (kepuasan)
 - c. Al-Tazkir (memberi perhatian)
 - d. Tazka Syu'lah al-Din fi al-Nufus (menyalakan semangat keagamaan dalam jiwa)
 - e. Al-Iqna' al-Burhan (pujukan keterangan).
 - f. Al-Mutanazir fi al-'Aqal wal al-Mantiq (penerangan akal dan logik).
3. Dimulai dengan mengagongkan kebesaran Allah, menyeru kepada takwa dan amalan akhirat.
4. Dibaca secara irtijal (fasih dan lancar tanpa melihat teks).